

14/08/2001

Ketepikan politik demi maruah remaja Melayu

Fazil Mat Enda

MALAYSIA sekali lagi dikejutkan dengan fenomena keruntuhan moral yang melanda secara terancang oleh pihak yang tidak menyenangkan kehormatan rakyat Malaysia yang mampu wujud, walaupun di dalamnya ada pelbagai etnik.

Adalah tidak dinafikan bahawa untuk menjatuhkan kestabilan politik di Malaysia faktor yang paling berkesan ialah dengan memporak-perandakan bangsa Melayu yang sudah pastinya beragama Islam.

Melayu amat sensitif dengan agama, untuk mempengaruhi jiwa dan minda orang Melayu adalah dengan menggunakan pendekatan agama sama ada untuk kebaikan atau keburukan atau untuk kepentingan individu atau masyarakat.

Benar sekali apa yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Melayu Mudah Lupa. Kita lupa, penjajah sudah memahami kehendak orang Melayu, penjajah tahu bagaimana untuk membuat orang Melayu dibuai mimpi, resipi ini telah diperoleh setelah lebih 450 tahun mereka bermaharajalela.

Memandangkan gejala ini berlaku pada peringkat umur yang ditakrifkan sebagai remaja juga dalam erti kata pemuda, adalah wajib bagi rakyat Malaysia berasa bimbang dan seterusnya melaksanakan tindakan bukan sekadar hanya merangka cadangan di atas kertas atau hanya bersimpati ketika di kedai kopi dan restoran, tetapi tindakan pelaksanaan biarlah bersandarkan pada rasa simpati dan penuh keinsafan serta tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Istilah Black Metal dan Trust Metal yang mempengaruhi kumpulan muda ini akan membawa kesan yang negatif kepada suasana politik, ekonomi, sosial serta keruntuhan keseluruhan fungsi kehidupan sebagai penjana masa depan.

Peningkatan pembabitan golongan muda ini mencerminkan kehancuran masa depan kerana pemuda hari ini adalah aset paling berharga negara pada masa depan. Seandainya muda-mudi hari ini mempunyai akhlak dan moral terlalu rendah sudah tentu pimpinan yang akan menerajui negara pada masa hadapan langsung tidak ada jati diri serta daya tahan yang rapuh. Justeru, amat mudah negara ini dijajah semula.

Ketika itu Melayu mungkin pada nama saja, langsung tidak ada kuasa seperti binatang yang hampir pupus di telan zaman. Sebagai contohnya, keagungan dinosaur ataupun Hikayat Hang Tuah yang tidak ada langsung waris di bumi bertuah ini.

Lantaran itu, wahai umat Melayu yang mengaku Melayu jangan kita lupa dan mimpi lagi. Kita sedang mengalami kerapuhan kebergantungan sesama kita.

Kita asingkan seketika masalah lain tumpukan pemikiran kepada bangsa kita kerana kita akan ditanya pada satu hari nanti.

Marilah bersama-sama tumpukan agenda ini kerana ini membabitkan kita bangsa Melayu yang beragama Islam. Kita jangan menuding jari pula kepada sesiapa kerana perkara ini sudah melanda menjadi api yang bisa membakar semuanya.

Anak muda ini harus disemai dengan budaya kita yang terbaik, jangan kita ganaskan mereka dengan agenda politik kotor kita. Apa guna kita bercakap berapi-api soal perjuangan, tetapi bangsa kita sedang mengalami keruntuhan moral, tiada siapa yang rugi melainkan kita umat Melayu. Sedarlah kita diambang kemusnahan, kenapa kita berdolak-dalek, kita bagai telur di hujung tanduk.

Kepada ahli masyarakat pula, kita harus memberi komitmen yang tinggi terhadap masalah ini. Badan bukan kerajaan (NGO) juga diminta memainkan tugas lebih efektif terhadap masalah ini.

Kita gandingkan tenaga untuk membasmi gejala ini demi anak bangsa kita bukan kerana inginkan populariti atau menentukan agenda politik individu.

Kita harus memahami, masalah bangsa ini adalah masalah bersama bukan untuk satu parti politik tertentu saja. Kita bertekad akan mengembalikan remaja ini kepada masyarakat, bukan kita menghina mereka.

Kita juga harus sedar golongan remaja sedang mencari-cari ketentuan hidup dalam era ini, mereka tertekan dengan krisis identiti dalam jangkauan ini sudah tentu mereka mudah dipengaruhi budaya baru yang tidak pasti baik untuk masyarakat yang mereka pasti baik untuk diri mereka dan memberi kepuasan terhadap diri sendiri.

Perkara ini memang telah dikaji dan dikenal pasti dan bersesuaian dengan apa yang diperjelaskan oleh Ericcson dalam teorinya iaitu Lapan Tahap Kehidupan Remaja. Oleh itu kita sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab terhadap bangsa ini tidak ada sebab kita membiarkan bangsa kita musnah pada satu hari nanti.

Jika kita berperasaan begini kita dianggap sebagai dayus kepada bangsa dan seterusnya kepada agama. Kita juga dianggap sebagai pembelot bangsa yang kejam lagi Jahiliah.